

09/12/2003

KRU rai warga media

Zul Husni Abdul Hamid

SUDAH dua minggu Aidilfitri diraikan. Selepas kembali ke pangkuan keluarga dan desa tercinta, keriang Syawal kini diraikan pula di kota. Rumah terbuka antara agenda yang menambahkan lagi kemeriahan hari raya.

Syawal menjalinkan persaudaraan, merapatkan kembali hubungan yang terpisah serta membungakan kemesraan pada hari mulia. Di kalangan insan seni, ketibaan Aidilfitri juga sebagai detik untuk menghargai mereka yang bertungkus lumus membantu kejayaan selama ini.

KRU Music Group (KMG), malam Khamis lalu mengambil keberkatan Syawal untuk meraikan warga media yang tidak pernah putus memberikan sokongan selama lebih 11 tahun mereka menceburi bidang seni.

Lebih memberi makna apabila majlis yang bermula dari jam 8 malam itu turut dihadiri artis naungan serta kakitangan syarikat berkenaan. Antara artis yang kelihatan malam itu ialah KRU sebagai tuan rumah, Ezlynn, kumpulan nasyid Rabbani, Pretty Ugly, Phyne Ballerz dan X-Factor.

Kehadiran penghibur antarabangsa, Anita Sarawak yang setia ditemani suaminya, Mohd Mahathir Abdullah menjadikan acara rumah terbuka KMG itu sarat dengan kenangan. Anita bakal muncul dengan album pertamanya, Saxis bersama KMG sedikit masa lagi.

Pasangan yang mendirikan rumah tangga 15 Jun lalu, Erra Fazira dan Yusry turut menyerikan acara itu dengan busana biru sedondon.

"Tahun terdahulu, kami tidak menang tangan melayan tetamu. Tetapi dengan pembahagian atur cara yang lebih teratur seperti ini, kami dapat duduk semeja dengan teman media yang banyak membantu.

"Ini sebagai penghargaan dan tanda terima kasih kami kepada semua. Insya-Allah, kami juga akan menganjurkan majlis ini khusus untuk peminat tidak lama lagi," kata Ketua Pegawai Eksekutif KGM, Norman Abdul Halim.

Selain beramah mesra, acara itu juga menjadi titik tolak kepada KRU untuk menanam azam bagi mengukuhkan lagi kedudukan mereka dalam bidang seni dan perniagaan. Usia pembabitan trio adik beradik akan mencecah 12 tahun pada 18 Mei ini.

"Dalam bidang nyanyian, mungkin sudah banyak yang kami kecapai. Tetapi, tidak dalam perniagaan kerana masih banyak yang perlu dipelajari. Impian kami adalah untuk membina asas yang kukuh kepada keluarga ini," katanya.

Menerangkan lebih lanjut impian itu, Norman berkata, mereka menyusun pelbagai perancangan untuk memantapkan KMG termasuk mengembangkan lagi empayar perniagaan di peringkat antarabangsa.

"Itu adalah cita-cita kami. Terlalu banyak yang ingin dikecapi dan kami berusaha keras untuk mencapainya.

"Antara lain, kami akan menjalankan proses penjenamaan semula kerana ingin mengikis imej saya yang lebih di depan. Saya ingin memberitahu semua ini diperoleh hasil kerjasama mereka yang dedikasi," kata Norman.

Norman turut dilantik sebagai Pengerusi Konsortium Gagasan Perdana. Menerusi gagasan itu, 10 syarikat Bumiputera berganding bahu bagi memenuhi misi dan visi memartabatkan industri hiburan tempatan setanding dengan mutu penerbitan antarabangsa.

Peluang perniagaan yang terbuka luas dalam bidang hiburan, katanya, perlu direbut kerana ia merangkumkan pelbagai aspek seperti penerbitan cakera padat video (VCD), iklan televisyen, video korporat, pengurusan acara, muzik dan filem.

"Saya melihat perlantikan itu sebagai tanggungjawab besar. Dalam hal ini, saya lebih percaya perkongsian. Dari situ dapat semua yang bergabung

dapat berkongsi kemahiran dan pengetahuan untuk menghasilkan sesuatu dengan berkesan," katanya.